

SET 4 : PROGRAM POS35

Cikgu Arbee Rose

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

Dalam petikan ini, terdapat **tiga belas kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan.

Negara ini mempunyai jata yang menjadi lambang resmi negara. Jata negara ini telah diperkenan dan diwartakan oleh Raja-Raja Melayu pada tahun 1952. Sebuah negara mestilah mempunyai identiti. Tanpa identiti, sesebuah negara tidak mempunyai kerekter atau personaliti. Dalam hal ini, jata negara bertugas sebagai identiti negara. Tiap warna, objek, binatang dan cogan kata mempunyai maksud dan falsafahnya yang tersendiri. Selain daripada menjadi identiti negara, jata negara juga berfungsi sebagai simbol perpaduan negara ini. Negara ini terbentuk dari gabungan banyak negeri-negeri. Dalam jata ini, keujudan setiap negeri dalam pembentukan negara ini diabadikan dalam bentuk keris, kepelbagaian warna dan logo negeri masing-masing. Cogan kata yang berbunyi "Bersekutu Bertambah Mutu" dengan jelas menunjukkan pencerapan unsur perpaduan. Kesimpulannya, jata negara adalah lambang negara yang sangat terpenting. Peranannya bukan sekadar menjadi identiti dan gambaran keperibadian negara malahan sebagai ejen penyatuan rakyat.

[13 markah]

Baris	
1	
2	
3	
4	
5	
6	
7	
9	
10	
11	

SOALAN 5 : PERIBAHASA

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan **tiga peribahasa** yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.

"Kita perlu membuat persiapan awal terutamanya dari segi bekalan makanan kerana sudah tiga hari hujan turun tidak berhenti-henti dan mungkin akan menyebabkan berlakunya banjir nanti," kata ketua kampung kepada penduduk di situ. "Kehidupan kita yang sedia susah ini pasti bertambah susah jika kita tidak dapat keluar bekerja akibat banjir. Oleh itu, kita perlu saling membantu antara satu sama lain dan janganlah mementingkan diri sendiri sahaja dalam suasana getir ini. Semua penduduk di sini hendaklah bekerjasama antara satu sama lain dalam menghadapi dugaan yang diberikan Allah ini," ucapnya lagi. [6 markah]

Baris 1	
Baris 3	
Baris 5	
Baris 6	

